

HoSZA

Hospital Sultan Zainal Abidin

Lensa



Edisi 4 | Bilangan Jun - Disember 2024



Unit Komunikasi Korporat & Khidmat Pelanggan
Corporate Communications and Customer Service



PERKONGSIAN EKSKLUSIF DARI DR. HANIIF, PAKAR BEDAH AM HoSZA, SUKARELAWAN DALAM MISI KEMANUSIAAN GAZA DI RAFAH.
HoSZA stands with Palestine!

6 JUN 2024 | KUALA NERUS

Hari ini merupakan hari ke-243 semenjak peristiwa 7 Oktober 2023 di mana pembunuhan beramai-ramai penduduk Palestine di Gaza.

4TH TERENGGANU UROGYNAEOLOGY WORKSHOP 2024

5 Jun 2024 | Kuala Nerus

Jabatan Obstetrik & Ginekologi HoSZA dengan kerjasama Hospital Sultanah NurZahirah dan Persatuan Obstetrik & Ginekologi Terengganu telah menganjurkan 4th Terengganu Urogynaecology Workshop 2024 di Auditorium Al-Zahrawi, HoSZA.

Seramai 150 orang peserta terdiri daripada pegawai perubatan dan jururawat telah menyertai bengkel ini.

Penceramah jemputan ialah Dr. Faridah bt Mohd Yusof, Pakar Perunding Kanan (Urogynaecologist) merangkap Ketua Jabatan Obstetrik & Ginekologi HSNZ, Dr. Nor Fadzilah bt Noor Affendi, Pakar Obstetrik & Ginekologi (Urogynaecology Trainee), Dr. Wan Abu Bakar bin Yussof, Pensyarah Perubatan dan Pakar Perunding Kanan (Urogynaecology) HoSZA dan Puan Mariati bt Che Rani, Pegawai Fisioterapi HSNZ.

Objektif program ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan perawat tentang simptom awal kepada POP sekaligus dapat meningkatkan kemahiran mereka dan memberikan perkhidmatan rawatan secara konklusif dan optimum kepada pesakit POP.

Dr. Haniif yang merupakan sukarelawan misi kemanusiaan dan perubatan telah ke Gaza selama 28 hari di Rafah dan selamat pulang ke tanah air pada 1 Jun 2024. Kemelut yang berlaku masih berterusan. Kanak-kanak dan wanita menjadi sasaran utama kezaliman ini. Genocide ini perlu dihentikan!

Terima Kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Semoga perkongsian pada hari ini dapat menaikkan kembali laungan Qunut Nazilah. Teruskan berdoa dan mendokong perjuangan rakyat Palestin!



PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI - CAREGIVERS OF CHILDREN WITH SPECIAL NEEDS WORKSHOP

6 JUN 2024 | KUALA NERUS



Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental dengan kerjasama Persatuan Autisme Terengganu (PAUT) telah menganjurkan Program KPT Prihatin Madani - Caregivers of Children with Special Needs Workshop.

Bengkel dimulakan dengan ucaptama oleh Pengarah Hospital Sultan Zainal Abidin, Prof Dato' Dr Ahmad Zubaidi Bin A. Latif disusuli dengan Early Childhood Development : What is typical? oleh Dr. Zaatil Iffah Binti Asmawi yang merupakan Pakar Pediatric di Stepping Stones Child Specialist Clinic.

Bengkel diteruskan lagi dengan penyampaian topik Special needs Kids : sign and symptoms oleh Pensyarah Perubatan dan juga Pakar Psikiatri Hospital Sultan Zainal Abidin, Dr. Tengku Mohd Saifuddin Bin Tengku Kamarul Bahri. Slot yang terakhir disampaikan oleh Pegawai Pemulihan Perubatan, Jabatan Perubatan Rehabilitasi HoSZA, En. Muhammad Danial Bin Mohd Yasin yang bertajuk Empowering Caregiver Strength. Selain itu, dengan kerjasama Jabatan Perubatan Rehabilitasi, aktiviti-aktiviti khas juga dijalankan bersama anak-anak berkeperluan khas.

Bengkel yang melibatkan penyertaan para ibu bapa dan penjaga anak-anak berkeperluan khas ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman, meningkatkan pengetahuan dan menjadi platform informasi tentang rawatan dan penjagaan bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk mewujudkan permuafakatan antara ahli perawat bagi kanak-kanak berkeperluan khas, Persatuan Autisme Terengganu (PAUT) dan ibubapa serta penjaga. Bengkel ini merupakan sebuah wadah bagi menyampaikan pengetahuan kepada komuniti yang bersasar.



Ceramah Sempena Aidil Adha: Pengorbanan Dalam Masyarakat telah berjaya dilaksanakan di Auditorium Al-Zahrawi, Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) pada hari ini. Program ini bertujuan untuk memperkuuh semangat pengorbanan dalam kalangan staf bersempena dengan sambutan Aidil Adha.

Aktiviti utama program ini termasuk tayangan video yang mengisahkan kisah Nabi Ibrahim yang menggugah perasaan dan memberikan pengajaran tentang pengorbanan.

Ceramah Sempena Aidil Adha: Pengorbanan Dalam Masyarakat di Hospital Sultan Zainal Abidin 10 Jun 2024 | Kuala Nerus



Dalam ucapannya, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi menekankan konsep pengorbanan dalam masyarakat melalui pendekatan 5i – Ikram, Ikhwah, Iltizam, Itqan, dan Imtihan. Beliau juga mengaitkan konsep MADANI yang merangkumi aspek kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan. Beliau juga menyentuh tentang kepentingan pengorbanan dari sudut individu dan berkumpulan.

Dengan berakhirnya program ini, diharapkan semangat pengorbanan dalam kalangan staf dapat diperkuuhkan lagi, selari dengan nilai-nilai murni yang ingin dicapai melalui konsep 5i dan MADANI

CERAMAH SEMPENA AIDIL ADHA: PENGORBANAN DALAM MASYARAKAT DI HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN 10 JUN 2024 | KUALA NERUS

Klinik Pakar Pelawat Kardiologi bersama Dato' Sri Azhari bin Rosman, Senior Consultant Cardiologist dari Institut Jantung Negara (IJN) dan En. Mohd Nazrin bin Majid, Cardiovascular Technologist (CVT), ke Hospital Sultan Zainal Abidin pada sesi Jun 2024 telah berjalan lancar.

Alhamdulillah, seramai 13 orang pesakit menerima rawatan temu janji dan 11 orang pesakit membuat prosedur echocardiogram di Klinik Kardiologi GMC pada hari ini.

Semoga dengan kerjasama yang terjalin ini, dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kardiologi di HoSZA.



MESYUARAT PELARASAN KERJASAMA ANTARA JABATAN-JABATAN DI HOSZA DAN HSNZ 23 JUN 2024 | KUALA NERUS

Satu mesyuarat pelarasan kerjasama antara jabatan-jabatan di HoSZA & HSNZ telah diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Razi, HoSZA. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi memastikan kelancaran perkhidmatan kesihatan di Terengganu.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut, Timbalan Pengarah JKNTJABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU, Pengarah HSNZ Hospital Sultanah Nur Zahirah& ketua-ketua jabatan di HSNZ & HoSZA.





PROSEDUR FLUOROSCOPIC GUIDED ANTEROGRADE URETERIC STENT INSERTION FOR PYONEPHROSIS WITH RENAL PELVIC STONE DI JABATAN PENGIMEJAN PERUBATAN HOSZA

26 JUN 2024 | KUALA NERUS

Telah selesai satu prosedur Fluoroscopic Guided Anterograde Ureteric Stent Insertion yang dijalankan di Jabatan Pengimejan Perubatan HoSZA. Prosedur ini diketuai oleh Pakar Radiologi, Dr. Rusli Zaim bin Rusli, Pegawai Perubatan Dr. Nur 'Afifah binti Arifin dan kakitangan Jabatan Pengimejan Perubatan yang bertugas semalam.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat. Semoga kakitangan Jabatan Pengimejan Perubatan HoSZA sentiasa komited dalam menjalankan tugas masing-masing.

PERHIMPUNAN BULANAN HOSZA SIRI 6/2024

3 JULAI 2024 | KUALA NERUS

Perhimpunan bulanan HoSZA Siri 6/2024 telah berlangsung dengan jayanya pada pagi ini di Auditorium Al-Zahrawi, HoSZA.

Majlis dimulakan dengan ucapan yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin A. Latif, Pengarah HoSZA yang turut membicarakan tentang maal hijrah. Turut hadir sama, YBrs. Prof. Madya Dr. Nik Ahmad Shaiffudin bin Nik Him, Timbalan Pengarah (Klinikal) HoSZA dan YM. Dr. Engku Narzini bt Raja Omar, Timbalan Pengarah (Sokongan) HoSZA.



10TH MILESTONES OF ADVANCED MINIMALLY INVASIVE PROCTOCOLECTOMY SURGERIES

8 JULAI 2024 | KUALA NERUS

"10th Milestones of Advanced Minimally Invasive Proctocolectomy Surgeries" telah berjaya dilaksanakan di Dewan Bedah Hospital Sultan Zainal Abidin. Ini merupakan kes ke-10 Pembedahan Major secara Laparoscopic (key holes surgery) bagi kanser kolorektal dengan kaedah Pembedahan Invasif Minimum disertai dua kes laser hemorrhoidoplasty dan ano-rectopexy yang merupakan rawatan terkini bagi pesakit buasir. Tahniah diucapkan kepada Pakar Bedah Kolorektal, Pakar Bedah Am, Pakar Anesthesia, Pegawai Perubatan, Jururawat dan PPK dari Jabatan Surgeri dan Jabatan Anaesthesiology& Rawatan Intensif HoSZA. Semoga HoSZA terus komited dalam memberikan rawatan yang terbaik kepada para pesakit.



KURSUS NEFROLOGI TERENGGANU 2024

KUALA NERUS | 9 & 10 JULAI 2024

Jabatan Perubatan Dalaman, Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) dengan kerjasama Jabatan Nefrologi, Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) telah menganjurkan Kursus Nefrologi Terengganu 2024 bertempat di Auditorium Al-Zahrawi dan Kompleks Ibnu Sina HoSZA.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin A. Latif, Pengarah HoSZA. Turut hadir, YBhg. Dato' Dr. Zaiha binti Harun, selaku Ketua Jabatan Nefrologi HSNZ, YBrs. Dr. Wan Mohd Razin bin Wan Hassan selaku Ketua Jabatan Perubatan Dalaman HoSZA, dan Dr. Nurul Ain binti Yusof, Dr. Khairil Najmi bin Alias wakil Pakar Nefrologi dari HSNZ.

Objektif bengkel adalah untuk menambah ilmu pengetahuan tentang saringan dan rawatan awal pesakit kronik buah pinggang, rawatan pesakit kronik buah pinggang tahap akhir, dan memberikan pendedahan tentang indikasi perubatan paliatif dalam pengurusan pesakit buah pinggang dan non dialysis therapy.

Penceramah jemputan pada hari pertama ialah Dr Rohaiza binti Abd Kadir (Consultant FMS), Prof Madya Dr. Nurulhuda binti Mat Hassan (Family Medicine Specialist UniSZA), Dr Al.Mizan bin Mustapa@Ab Rahim (Physician HosZA), Dr Nurul Ain binti Yusof (Consultant Nephrologist HSNZ), YM Tengku Izzati binti Tg Abd Kadir (Renal Pharmacist HSNZ), Dr Khairil Najmi bin Alias (Nephrology Trainee HSNZ), Dr Tengku Hasnita binti Tengku Husain (Paediatrician HSNZ), Puan Asyurahmah binti Abdul Rahman (Renal Dietitian HSNZ), Dato' Dr Zaiha binti Harun (Senior Consultant Nephrologist HSNZ)

Pada hari ke-2, slot penceramah jemputan diserikan lagi dengan kehadiran penceramah yang merupakan pempengaruh media sosial, YBrs. Dr. Rafidah binti Abdullah, Pakar Perunding Nefrologi dari Hospital Putrajaya.

Selain itu, turut memberikan ceramah ialah Dr Fakhriah binti Abu Bakar (Palliative Physician HSNZ), Dr Lim Kah Yen (Palliative Physician HSNZ), dan Dr Norhana binti Yazid (HOSPICE Terengganu)

Seramai 97 peserta dari pelbagai agensi seperti Hospital Pulau Pinang, Hospital Kajang, Hospital Kuala Krai dan hospital daerah seluruh Terengganu.

Semoga kursus ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta dalam memberikan pengetahuan tentang rawatan pesakit kronik buah pinggang tahap akhir sekaligus menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit khususnya di HoSZA.

KURSUS KAWALAN DAN PENCEGAHAN JANGKITAN BAGI ANGGOTA KESIHATAN

KUALA NERUS | 14 JULAI 2024



Unit Kawalan Infeksi, Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) dengan kerjasama Infection Control Association Malaysia (ICAM) telah menganjurkan Kursus Kawalan dan Pencegahan Jangkitan bagi Anggota Kesihatan 2024 bertempat di Auditorium Al-Zahrawi, HoSZA.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin A. Latif, Pengarah HoSZA. Turut hadir, YBrs. Dr. Wan Mohd Razin bin Wan Hassan, Ketua Jabatan Perubatan Dalaman HoSZA serta Pengurus Jawatankuasa Kawalan Infeksi HoSZA dan Puan Rathiyyah binti Ahmad.Vice President ICAM.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi kesedaran serta pencegahan kepada anggota kesihatan dalam mengawal dan mengurangkan kes Healthcare Associated Infection

CERAMAH PERDANA SEMPENA AWAL MUHARRAM

PERINGKAT HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN

1446H

KUALA NERUS | 10 MUHARRAM 1446H

Rakan Surau, Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) telah menganjurkan Ceramah Perdana Sempena Awal Muharram Peringkat Hospital Sultan Zainal Abidin 1446H "Makna Hijrah Dalam Konteks Kehidupan Moden" yang telah disampaikan al Fadil Ustaz Dr. Fauzi bin Chik, bertempat di Auditorium Al-Zahrawi, HoSZA.

Kata aluan telah disempurnakan oleh YBhg. En. Ahmad Termizi bin Abd Aziz, Timb Pengarah (Pengurusan) HoSZA merangkup wakil pengurusan Hopital Sultan Zainal Abidin.

Objektif ceramah ini bertujuan untuk mendalami pemahaman umat Islam terhadap erti dan hikmah di sebalik peristiwa hijrah, serta mengukuhkan nilai-nilai murni yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari.

Ceramah Maal Hijrah yang diadakan di Auditorium Al-Zahrawi berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang sangat baik dari semua staf HoSZA. Ustaz Dr Fauzi berhasil menyampaikan pesan-pesan penting tentang hijrah dengan jelas dan inspiratif.

Para hadirin juga, menunjukkan minat dan komitmen mereka untuk mengaplikasikan nilai-nilai hijrah dalam kehidupan. Selain itu, sesi cabutan hadiah juga turut disediakan buat peserta yang bertuah pada hari ini.

Semoga majlis ini memberikan manfaat dan menjadi pendorong bagi umat Islam untuk terus berhijrah ke arah yang lebih baik.



KLINIK PAKAR PELAWAT KARDIOLOGI IJN DI JABATAN PERUBATAN DALAMAN, HOSZA

21 JULAI 2024 | KUALA NERUS

Klinik Pakar Pelawat Kardiologi bersama Dr. Beni Isman bin Rusani, Consultant Cardiologist dari Institut Jantung Negara (IJN) dan Puan Siti Fatimah Nur binti Ramli Cardiovascular Technologist (CVT), ke Hospital Sultan Zainal Abidin pada sesi Julai 2024 telah berlangsung dengan jayanya.

Seramai 17 orang pesakit menerima rawatan temu janji dan 8 orang pesakit membuat prosedur echocardiogram di

Klinik Kardiologi GMC pada hari ini.

Semoga dengan kerjasama terjalin ini, dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kardiologi di HoSZA.



**LAWATAN AKADEMIK INSTITUT LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (ILKKM)
SEREMBAN (PP) DENGAN KERJASAMA KELAB SUKAN
& KEBAJIKAN (KESUKEB) ILKKM SEREMBAN (PP) KE
HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN**

21 JULAI 2024 | KUALA NERUS



Lawatan ini adalah pengalaman yang bermakna kepada pelajar tersebut kerana mereka dapat melihat aplikasi praktikal dari pelajaran teknologi maklumat yang dipelajari di universiti. Mereka dapat membandingkan teori dengan amalan sebenar di lapangan, yang membantu mereka untuk lebih memahami cabaran dan keperluan dalam mengurus sistem teknologi maklumat di persekitaran kesihatan.

Para pensyarah pula dapat menggunakan lawatan ini sebagai platform untuk memperkuuhkan pengajaran mereka dengan contoh-contoh nyata, serta menjalin hubungan dengan profesional dalam industri kesihatan tempatan.

Diharapkan pengalaman lawatan ini akan memberi inspirasi kepada pelajar untuk terus mengasah kemahiran teknikal mereka, sambil menjadikan pensyarah sebagai penggerak dalam penyampaian ilmu pengetahuan yang berkekalan.

Seramai 20 orang delegasi dari ILKKM Seremban (PP) telah mengadakan lawatan akademik ke HoSZA. Ketibaan delegasi telah disambut oleh Encik Muhamad Kamarul bin Baharin, Ketua Unit Penyeliaan Hospital, HoSZA.

Delegasi ILKKM telah diberikan taklimat ringkas berkenaan perkhidmatan perubatan klinikal dan sokongan HoSZA. Seusai taklimat, mereka dibawa melawat ke Jabatan Kecemasan & Trauma.

Terima kasih buat pihak ILKKM atas kunjungan ini. Semoga ukhwah yang terjalin antara KKM dan HoSZA kekal utuh dalam memastikan perkhidmatan kesihatan sentiasa mampan dan responsif.

**LAWATAN SAMBIL BELAJAR PELAJAR DAN
PENSYARAH UNIVERSITY COLLEGE TATI (UC TATI)
KE HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA)**

22 JULAI 2024 | KUALA NERUS

Sekumpulan pelajar dan pensyarah dari University College TATI (UC TATI) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke HoSZA. Lawatan ini diatur bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pengalaman praktikal serta menambah pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat dan rangkaian di HoSZA.

Hospital moden seperti HoSZA memanfaatkan teknologi ini untuk menyokong operasi harian termasuk sistem penyimpanan data pesakit, rangkaian komunikasi, dan keselamatan maklumat.

Lawatan bermula pada jam 2.30 petang dengan sesi taklimat oleh wakil dari pihak Unit Komunikasi Korporat dan Khidmat Pelanggan (CCaCS) HoSZA mengenai sejarah dan peranan HoSZA dalam komuniti tempatan. Selepas itu, kumpulan pelajar dan pensyarah dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk meneruskan lawatan ke bahagian-bahagian penting hospital.

Salah satu bahagian yang menjadi tumpuan adalah Pusat Data, di mana pelajar dapat melihat secara langsung sistem penyimpanan data bersepodu yang digunakan untuk rekod pesakit. Mereka diberi pendedahan tentang bagaimana data pesakit diurus dan disimpan dengan selamat, serta bagaimana teknologi ini membantu dalam memberi perkhidmatan yang lebih efisien kepada pesakit.



TRAK MAMOGRAM BERGERAK HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN

24 JULAI 2024 | KUALA NERUS

Hospital Sultan Zainal Abidin telah menerima aset terbaru iaitu Trak Mamogram Bergerak. Sesi lawatan pemeriksaan, pengujian dan pengtauliah aset telah berlangsung pada hari ini.

Trak Mamogram Bergerak ini dilengkapi dengan mesin Mamogram Tomosynthesis 3D untuk memberikan imej mamogram yang terbaik dan mempunyai nilai diagnostik serta diintegrasikan dengan Radiology Information System (RIS) dan Picture Archiving Communication System (PACS) untuk penghantaran dan 'viewing' imej mamogram secara 'remote' (teleradiology) oleh pakar radiologi di HoSZA. Trak ini juga dilengkapi dengan mesin ultrasound bagi memberi perkhidmatan yang lengkap dan konklusif.

Perkhidmatan Mamogram Bergerak ini bertujuan untuk meningkatkan kadar pengesanan awal kanser payudara melalui saringan mamogram dalam kalangan wanita khususnya yang berada di kawasan luar bandar Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Pahang, Terengganu dan Kelantan). Ia juga merupakan salah satu projek di bawah KPT Prihatin Madani bersama Hospital Sultan Zainal Abidin dan Fakulti Perubatan Universiti Sultan Zainal Abidin. Semoga kewujudan servis terbaru ini dapat memberi manfaat kepada golongan wanita untuk mengesan kanser payudara di peringkat awal.



HOSZA PERKENAL PEMBEDAHAN LAPAROSKOPI DI DIGITAL LAPAROSCOPIC SUIT ORI PERTAMA DI PANTAI TIMUR

29 Julai 2024 | KUALA NERUS: Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) menjadi hospital pertama di Pantai Timur yang menggunakan kaedah pembedahan baharu yang dikenali sebagai pembedahan laparoskopik secara digital.

Pembedahan laparoskopik adalah sejenis prosedur pembedahan yang membolehkan pakar bedah masuk ke bahagian dalam perut dan pelvis tanpa memerlukan hirisan besar pada kulit.

Menurut Pakar Perunding Kolorektal Pembedahan Invasif Minimum dan Pembedahan Am, Dr.Ahmad Fardi Sulaiman berkata, dengan pembedahan laparoskopik dapat membantu pesakit sembah dengan cepat berbanding pembedahan bukaan besar pada organ badan.

Lebih menarik, pembedahan laparoskopik itu dipancarkan secara langsung dari dewan pembedahan ke dewan kuliah perubatan untuk sesi pengajian dan pembelajaran.


"Dengan adanya digital laparoscopic suite ini, pembedahan mampu dilakukan secara live (siaran langsung) dan kita juga dapat pancarkannya secara telecast di beberapa tempat lain antaranya bilik seminar, auditorium bahkan juga platform siaran maya dan semestinya dapat membantu pelajar serta doktor terutamanya di UniSZA untuk melihat lebih dekat apa dan bagaimana pakar-pakar melakukan pembedahan tanpa mereka berada di dalam dewan pembedahan", katanya.

Dengan adanya teknologi laporoskopi di HoSZA, pesakit tidak perlu menunggu lama untuk proses atau jadual pembedahan yang ditetapkan oleh pihak hospital.

Dari tahun 2018-2022, sebanyak 371 kes dalam pangkalan data Kanser Kolorektal Terengganu.

146 pesakit (40%) hadir ke hospital dengan keadaan yang memerlukan pembedahan kecemasan.

Kebanyakan pesakit datang dengan gejala usus tersumbat seramai 106 orang (72%) dan pendarahan 21 orang (14%). Lebih parah, pada tahun 2023 sahaja, telah merekodkan seramai 218 kes baharu kanser kolorektal yang mendapatkan rawatan di semua hospital utama di Terengganu.



PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI- KHIDMAT PEMERIKSAAN MATA ANJURAN JABATAN OFTALMOLOGI HOSZA DENGAN KERJASAMA FAKULTI PERUBATAN UNISZA

2 Ogos 2024 | Kuala Nerus: Pemeriksaan mata secara percuma anjuran Jabatan Oftalmologi HoSZA dengan kerjasama Fakulti Perubatan UniSZA telah diadakan pada hari ini bertempat di masjid UniSZA.

Program ini telah berlangsung dengan jayanya, dan seramai 162 peserta telah disaring.

Ceramah kesihatan berkaitan mata juga turut di sampaikan sebelum solat jumaat oleh Pakar Oftalmologi HoSZA, Dr. Mohammad Hudzaifah bin Nordin.

Tahniah buat pengajur dan semoga bermanfaat kepada komuniti.



JABATAN PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL HOSZA MENANGI GOLD AWARD DI UNISZA CARNIVAL ON E-LEARNING 2024 (UNICEL)

Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental HoSZA dan turut dibantu staf Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran HoSZA menerusi projek inovasinya bertajuk

BE NiCE : AN INNOVATIVE E-LEARNING APP FOR MEDICAL AND ALLIED HEALTH STUDENTS TO MASTER THE MANAGEMENT OF NON-SUICIDAL SELF-INJURY IN YOUNG ADULTS telah berjaya memenangi Gold Award.

the Invention, Innovation and Design on e-Learning (IIDEL 2024) di UniSZA Carnival on e-Learning 2024 (UniCEL) merupakan program anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) serta Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i)

Program ini telah berlangsung pada 4&5 Ogos 2024 bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah UniSZA. Turut berlangsung juga Karnival Citra UniSZA yang bertemakan “Dari universiti, kepada komuniti”.

UniSZA Carnival on e-Learning ini merupakan sebuah inisiatif yang diadakan bagi mengetengahkan inovasi dalam proses pembelajaran.

Sekalung tahniah dan syabas buat Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental HoSZA!



PENGARAH HOSZA KETUAJUAI “FUN RIDE” BERBASIKAL DARI HOSZA KE BANDAR BARU KUALA NERUS BAGI JELAJAH HOSZA SIRI 1 11 OGOS 2024 | KUALA NERUS

Seramai 30 orang peserta berbasikal telah menyertai “Fun Ride” dari HoSZA ke Kuala Nerus. Kayuhan bermula di Auditorium Al-Zahrawi HoSZA dan tiba di Bandar Baru Kuala Nerus 45 minit kemudian.

Prof. Dato’ Dr. Ahmad Zubaidi bin A. Latif, Pengarah HoSZA dan Encik Ahmad Termizi bin Ab Aziz, Timbalan Pengarah (Pengurusan) HoSZA mengetuai kayuhan “Fun Ride” diikuti oleh Bicycle Emergency Response Team (BERT) Jabatan Kecemasan & Trauma HoSZA.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan di Bandar Baru Kuala Nerus antaranya ialah pemeriksaan kesihatan secara percuma, demonstrasi Basic Life Support (BLS) dan senamrobik.



PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI

PENDIDIKAN KESIHATAN KOMUNITI- KESEDARAN BANTUAN CARDIOPULMONARY RESUSCITATION (CPR)

ANJURAN UNIT PENYELIAAN HOSPITAL DENGAN KERJASAMA JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA HOSZA

22 OGOS 2024 | KUALA NERUS

Program pembelajaran teori dan praktikal bagi bantuan hayat iaitu Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) bagi orang awam anjuran Unit Penyeliaan Hospital dengan kerjasama Jabatan Kecemasan dan Trauma HoSZA telah diadakan pada hari ini bertempat di SK Kompleks Mengabang Telipot.

Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah HoSZA Ybhg Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Bin A.Latif. Majlis juga di hadiri oleh Timbalan Pengarah (Sokongan) YM. Dr. Engku Narzini Binti Raja Omar selaku Penasihat Program, YBrs. Pn. Marinatal Akta binti Mokhtar, Pegawai Perhubungan Sekolah, Timbalan PPD, USTPD PPD Kuala Nerus, YBrs. Encik Razali Bin Muda, Guru Besar Sk Kompleks Mengabang Telipot dan YBrs Dr. Mohd Salami Bin Ibrahim Pensyarah Perubatan UniSZA merangkap YDP PIBG SK Kompleks Mengabang Telipot.

Program ini telah berlangsung dengan jayanya, dan seramai lebih 50 orang pelajar dari Unit Beruniform Bulan Sabit Merah sekolah telah dipilih menyertai program ini.

Ceramah berkaitan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) turut disampaikan oleh Pakar Perubatan Kecemasan HoSZA Dr. Azlie Bin Hassan. Sesi praktikal telah dijalankan oleh fasilitator yang terdiri daripada Penolong Pegawai Perubatan HoSZA serta dibantu oleh pelajar Program BMHS UniSZA, pelajar Program Diploma Kejururawatan UniSZA serta Pembantu Perawatan Kesihatan.

Tahniah buat pengajur dan semoga program ini memberi manfaat kepada komuniti.



EAST COAST IMMUNOHEMATOLOGY WORKSHOP 2024

27 & 28 OGOS 2024 | KUALA NERUS

East Coast Immunohematology Workshop 2024 (Intermediate Level) anjuran Unit Perkhidmatan Transfusi , Jabatan Patologi & Makmal Perubatan Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) bersama Jabatan Perubatan Transfusi , Hospital Sultanah Nur Zahirah Terengganu (HSNZ) telah belangsung dengan jayanya.

Bengkel selama 2 hari ini telah dihadiri seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada Pakar Transfusi, Pakar Hematologi, Pegawai Perubatan, Pegawai Sains dan Juruteknologi Makmal Perubatan dari wilayah pantai timur termasuk peserta dari Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) dan Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS).

Pada hari pertama bengkel merupakan perkongsian berkenaan ujian - ujian khusus immunohematologi dan perbincangan beberapa kajian kes. Hari kedua pula adalah sesi hands-on praktikal mengendalikan ujian - ujian khusus immunohematologi seperti Direct Antiglobulin test , Antibody Identification Test dan Antibody Titration. Semoga ilmu dan latihan yang diberikan akan menambah mutu dan kualiti perkhidmatan transfusi darah.



70 ORANG PESERTA KONVOI MOTOSIKAL SERTAI JELAJAH HOSZA KE SK BUKIT JEJULONG MARANG


29 OGOS 2024 | MARANG

Jelajah HoSZA Siri 2 sempena Bulan Kemerdekaan ke-67 ke SK Bukit Jejulong, Marang diteruskan dengan konvoi motosikal dengan seramai 70 orang peserta. Turut serta berkonvoi ialah Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin A. Latif, Pengarah HoSZA, Prof. Madya Dr. Nik Ahmad Shaiffudin bin Nik Him, Timbalan Pengarah (Klinikal) HoSZA, En. Ahmad Termizi bin Ab. Aziz, Timbalan Pengarah (Pengurusan) HoSZA dan Prof. Madya Dr. Nik Arif bin Nik Mohamed, Ketua Jabatan Kecemasan & Trauma HoSZA.

Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi turut merasmikan Karnival Kelab Doktor Muda Peringkat Negeri Terengganu di SK Jejulong. Terdapat 4 reruai pameran kesihatan oleh Jabatan Obstetrik & Ginekologi HoSZA, Jabatan Farmasi HoSZA, Jabatan Anaestesiologi dan Rawatan Intensif HoSZA dan Jabatan Pediatrik HoSZA di Dataran Perhimpunan sekolah tersebut.

Usai perasmian, staf Jabatan Kecemasan & Trauma HoSZA telah melakukan demonstrasi Basic Life Support (BLS) kepada pengunjung yang hadir. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang program berlangsung antaranya ialah pemeriksaan kesihatan secara percuma, pertandingan lompat tali jantung, pertandingan jus sihat, dan kuiz. Peserta konvoi motosikal pula telah ke tanah perkuburan dan bergotong-royong membersihkan kawasan tersebut. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Polis Trafik Kuala Terengganu (PDRM) atas kerjasama mengiring konvoi motosikal. Juga buat SK Bukit Jejulong, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Jabatan Kesihatan Daerah Marang dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Program Jelajah HoSZA merupakan antara pengisian program KPT Prihatin Madani yang bertujuan untuk menyumbang kepada rakyat melalui program yang berfokuskan kepada kemudahan perkhidmatan kesihatan secara langsung, dan mempromosikan HoSZA agar menjadi Hospital Pengajar pakar rujuk pertama rakyat Terengganu dalam mendapatkan rawatan.



3 SEPTEMBER 2024 - SEKITAR HARI KE-2 ORL WEEK HOSZA 2024 BERTEMAKAN “VERTIGO”. SERAMAI 90 ORANG PESERTA YANG TERDIRI DARIPADA PARAMEDIK DAN PEGAWAI PERUBATAN TELAH MENYERTAI BENGKEL PADA HARI INI DI AUDITORIUM AL-ZAHRAWI.

Bengkel ini dimulakan dengan ceramah daripada Dr. Muhamad Nu'aim bin Ishak, Pakar ORL HoSZA dengan topiknya Anatomy & Physiology in Vertigo, Dr. Azlie bin Hassan, Pakar Perubatan Kecemasan HoSZA dengan topiknya Approach of Vertigo in Emergency Department, Dr. Sharif bin Ahmad, Pakar Perubatan HoSZA dengan topiknya Central Vertigo dan Ms Asiah bt Zakaria, Pakar Bedah ORL HSNZ bertajuk Peripheral Vertigo and Management. Peserta bengkel ini telah menjalankan practical & hands on pada sesi petang bertempat di Kompleks Ibnu Sina.

Seramai 40 orang pelajar dari SMK Kompleks Mengabang Telipot turut dijemput untuk melakukan saringan dan ujian pendengaran secara percuma, demonstrasi Basic Life Support (BLS), ceramah Bahaya Vape dan Rokok dan kuiz berkaitan pendengaran di Klinik ORL HoSZA.



KPT PRIHATIN MADANI - JALINAN KASIH KESIHATAN BERSAMA PENGHUNI RUMAH ORANG TUA, PUSAT JAGAAN SINAR INSAN

5 September 2024 - Jabatan Otorinolaringologi HoSZA melalui program KPT Prihatin Madani sekali lagi telah melakukan khidmat kepada komuniti dengan melakukan saringan pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada penghuni Pusat Jagaan Sinar Insan, Marang.

Dr. Nor Kamaruzaman bin Esa (Ketua Jabatan ORL HoSZA) dan pakar-pakar ORL telah turut serta dalam menjayakan program ini. Seramai 47 orang penghuni telah melakukan saringan hidung, telinga dan tekak dan turut diberi ceramah serta pendedahan praktikal berkaitan penjagaan kesihatan hidung.

Alhamdulilah program telah berjalan dengan lancar dan semoga program ini memberi manfaat kepada penghuni Pusat Jagaan Sinar Insan.



KES PERTAMA PEMBEDAHAN NEUROSURGERI OSTEOMA EXCISION BY CORONAL INCISION WITH CALVARIAL BONE GRAFTING

25 SEPTEMBER 2024 | KUALA NERUS

Telah selesai pembedahan pertama kes Neurosurgeri Osteoma Excision by Coronal Incision with Calvarial Bone Grafting yang dijalankan di Neurosurgery Operation Suite.

Pembedahan ini diketuai oleh Pakar Perunding Kanan Neurosurgeri, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin A.Latif yang merupakan Pengarah HoSZA, dibantu oleh Pakar Bedah Dr. Nur Hayati binti Abd Samad, Pegawai Perubatan Dr. Ahmad Asyraf Hafiz dan staf Dewan Bedah yang diketuai oleh jururawat En. Shuieb bin Abdullah, dibantu oleh jururawat Maizatul Azlina bt Mohd Ramli dan Nurul Akmal bt Ramlee.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat terutamanya Jabatan Anaestesiologi & Rawatan Intensif yang diketuai oleh Dr. Abdul Karim bin Othman (Ketua Jabatan Anaestesiologi dan Rawatan Intensif), Dr. Tengku Abdul Kadir bin Tengku Zainal Abidin (Pakar Anaestesiologi) dan dibantu oleh Dr. Azhar Faruqi bin Mohd Rasan



LAWATAN RASMI DAN KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN PERGIGIAN) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) KE HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN

30 SEPTEMBER 2024 | KUALA NERUS

Lawatan delegasi dari KKM yang diketuai oleh YBrs. Dr. Noormi bt Othman, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian) adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara Pengurusan Tertinggi Program Kesihatan Pergigian (KKM) dengan pihak Pengurusan UniSZA & HoSZA.

Hadir dalam sesi perbincangan ialah, Prof. Dr. Harmy bin Mohamed Yusoff (Dekan Fakulti Perubatan) mewakili Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin A. Latif, Pengarah HoSZA, Dr. Nik Ahmad Shaiffudin bin Nik Him, Timbalan Pengarah (Klinikal) HoSZA, Dr. Engku Narzini bt Raja Omar, Timbalan Pengarah (Sokongan) HoSZA dan En. Ahmad Termizi bin Ab Aziz, Timbalan Pengarah (Pengurusan) HoSZA.

Usai sesi perbincangan, delegasi telah dibawa melawat ke Wad Perubatan Wanita, Jabatan Pengimejan Perubatan dan Jabatan Kecemasan & Trauma. Semoga kolaborasi ini dapat memastikan liputan perkhidmatan kesihatan pergigian dapat dilaksanakan secara menyeluruh terutamanya kepada masyarakat setempat.



4 OKTOBER 2024 | KUALA NERUS - PROGRAM "PEKA CONQUER BUKIT CHERUNG DALAM : HIKING & PLOGGING" ANJURAN PEKA UNISZA

Seramai 80 orang yang terdiri daripada ahli PEKA (kakitangan HoSZA) dan bukan ahli beserta ahli keluarga masing-masing telah menjayakan program mendaki dan membersihkan kawasan sekitar Bukit Cherung Dalam pada hari ini. Disamping itu cabutan bertuah telah diberikan kepada ahli PEKA dan bukan ahli yang bertuah.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran En. Hasmadi Haji Harun mewakili JPKK Kampung Padang Kemunting yang bersama-sama mendaki Bukit 645 pada pagi ini.

Pihak PEKA mengucapkan tahniah kepada semua peserta dan terima kasih atas sokongan dan dokongan yang berterusan kepada aktiviti-aktiviti yang telah dan bakal dianjurkan oleh persatuan kita.



KARNIVAL KESIHATAN: HOSZA BERSAMA HUSM PERKASA KESEDARAN KANSER PAYUDARA DI TANAH MERAH, KELANTAN

TANAH MERAH | 10 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

Klinik Bergerak Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) telah menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan percuma kepada komuniti di Tanah Merah, Kelantan melalui program KPT Madani East Coast Wellness Breast Carnival, yang diadakan di Dewan Jubli Perak, Majlis Daerah Tanah Merah, Kelantan. Program ini dianjurkan oleh Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).

Dalam acara ini, Pengarah HoSZA, Dato' Ahmad Zubaidi bin A. Latif, turut serta sebagai salah seorang panel dalam forum bertajuk "Mencari Sinar Dalam Kanser Payudara," di mana beliau berkongsi pandangan dan maklumat berkaitan kanser payudara.

Ini adalah sebahagian daripada usaha pihak hospital untuk meningkatkan kesedaran dan memberi akses kepada perkhidmatan kesihatan, terutamanya dalam menangani isu kesihatan kritis seperti kanser payudara.



PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI EAST COAST WELLNESS BREAST CANCER CARNIVAL 2024

12 Oktober 2024, Kuala Nerus - Dalam usaha dan inisiatif penekanan kesedaran kanser payudara, Pink Oktober 2024, Jabatan Surgeri Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA), dengan kerjasama Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA), telah menganjurkan KPT PRIHATIN MADANI EAST COAST WELLNESS BREAST CANCER CARNIVAL di HoSZA.

Program yang dirasmikan oleh Pengarah HoSZA, YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Bin A. Latif, dengan pelepasan peserta Fun Ride sejauh 16 km. Program Fun Ride ini turut dimeriahkan oleh kehadiran atlet pelumba negara dari Terengganu Cycling Team (TSG).

Acara tahunan Zumba turut diadakan dengan penyertaan hampir 100 peserta di tapak parkir awam hospital. Pada sesi tengah hari, program ini dipadatkan dengan ceramah yang memberi tumpuan kepada evolusi rawatan kanser, disampaikan oleh Pengarah Hospital, serta topik Kesedaran Kanser Payudara oleh Prof Madya Dr Maya Mazuin Binti Yahya, Pakar Perunding Payudara dan Endokrin HUSM. Dr Maya juga menekankan tentang risiko dan pentingnya pemeriksaan awal untuk pengesanan kanser payudara. Wakil MAKNA, Puan Rozita Saari serta En Ilham Hafifi Ishamudin turut berkongsi tentang peranan MAKNA di Malaysia dalam menangani dan membantu pesakit kanser payudara.

Bagi meriahkan suasana, pertandingan mewarna dan soopa doopa disediakan untuk kanak-kanak. Pelbagai booth pameran, termasuk booth derma darah dan jualan, turut memeriahkan program. Selain itu, lori pameran MAKNA dan klinik bergerak disediakan untuk melakukan saringan kanser payudara kepada pengunjung.

Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kanser payudara di kalangan masyarakat Terengganu. Diharapkan, melalui inisiatif ini, masyarakat akan menjadi lebih peka dan prihatin terhadap isu kanser di masa hadapan.



KURSUS PEMANTAPAN DIRI DAN KEPUTUHAN PERIBADI SEMPENA SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN PERINGKAT HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA)

19 NOVEMBER 2024 | KUALA NERUS

Satu kursus pemantapan diri dan keputuhan peribadi sempena Sambutan Hari Pembantu Perawatan Kesihatan telah dianjurkan oleh Unit Penyeliaan Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) bertempat di Auditorium Al-Zahrawi. YM. Dr. Engku Narzini binti Raja Omar, Timbalan Pengarah (Sokongan) HoSZA telah merasmikan program ini. Turut hadir, Encik Muhamad Kamarul bin Baharin, Ketua Unit Penyeliaan Hospital dan Encik Mohd Irwandi bin Ismail selaku Pengarah Program.

Seramai 9 orang PPK telah menerima Anugerah Kehadiran Penuh Tahun 2023 dan 3 orang penerima Anugerah PPK Paling Aktif iaitu En. Mohd Nazir bin Mat Tahir, Pn. Fazliza bt Aziz dan En. Ahmad Fathiyuddin bin Omar.

Usai peluncuran, ceramah dimulakan dengan penceramah jemputan iaitu Encik Mohd Ramadhan Syakir bin Awang, Penolong Pendaftar Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran HoSZA. Seterusnya, Encik Rusdi bin Muda, Timbalan Pendaftar Kolej Kediaman & Kesihatan Pelajar UniSZA, Dr. Mohd Shaqqim Hafifi bin Abdul Rahman, Pegawai Perubatan Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental HoSZA, Encik Mohd Ali bin Hashim, Ketua Unit Integriti dan Encik Muhamad Kamarul bin Baharin.

Semoga perkongsian ilmu dapat memberi manfaat kepada peserta yang terlibat. Sekalung tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa atas kejayaan penganjuran program ini dan Selamat Hari PPK 2024!



CERAMAH KESELAMATAN KEBAKARAN DAN FIRE DRILL EXERCISE PERINGKAT HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA)

20 November 2024 - Unit Keselamatan HoSZA dengan kerjasama Jabatan Perubatan Masyarakat HoSZA telah menganjurkan ceramah keselamatan kebakaran di Auditorium Al-Zahrawi hari ini.

Program telah dirasmikan oleh YM. Dr. Engku Narzini binti Raja Omar, Timbalan Pengarah (Sokongan) HoSZA. Turut hadir ialah Tuan Mohammad Rizal, Ketua Unit Keselamatan Hospital merangkap Pengarah Program dan Dr. Megat Mustaqim bin Megat Iskandar, selaku Penyelaras Program.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman peserta tentang keselamatan kebakaran, di samping memupuk budaya kesiapsiagaan di tempat kerja.

Ceramah disampaikan oleh dua penceramah jemputan dari Jabatan Bomba Malaysia:

1. PgKB II Abu Hassan bin Mohd Nawi, Ketua Cawangan Keselamatan Kebakaran Zon 1, Terengganu.
2. PPgB Mohd Izzuddin bin Mahmood, Pegawai Keselamatan Kebakaran Zon 1, Terengganu.

Program ini juga diserikan dengan slot praktikal pemadam api yang melibatkan staf HoSZA dari pelbagai jabatan. Aktiviti ini memberi peluang kepada peserta untuk mempraktikkan penggunaan alat pemadam api dan memahami langkah keselamatan sewaktu kecemasan.

Ucapan terima kasih turut dizahirkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniSZA atas kerjasama yang diberikan sepanjang program ini berlangsung.

Tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga ilmu yang diperoleh membawa manfaat kepada semua peserta!



BENGKEL PELAKSANAAN PERKHIDMATAN EKSEKUTIF DI HOSZA

25 NOVEMBER 2024 | KUALA NERUS

Bengkel Pelaksanaan Perkhidmatan Eksekutif di HoSZA telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Al-Razi dan dihadiri oleh fasilitator jemputan iaitu Encik Mohd Hafiz Anuar, Ketua Bahagian Pembangunan Perniagaan, Hospital Al Sultan Abdullah (HASA) UiTM diiringi Muhammad Nazmi Aiman Noor Azlin, Pegawai Eksekutif, Bahagian Pembangunan Perniagaan (HASA) dan Prof Madya Dr. Ezamin Abdul Rahim, kepakaran Klinikal Radiologi, Neuroradiologi, Neuro Intervensi PIC di Perkhidmatan Eksekutif di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) UPM.

Bengkel ini bertujuan untuk penetapan model pelaksanaan, kadar caj dan agihan caj kepada pakar serta fasa pelaksanaan. Perkhidmatan Eksekutif juga dikenali sebagai Pesakit Bayar Penuh (Full Paying Patient). Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil Fakulti Perubatan, Ketua-ketua Jabatan HoSZA dan Doktor Pakar HoSZA & Fakulti Perubatan.



BENGKEL PENGENALAN INTERNATIONAL CLASSIFICATION OF DISEASES (ICD) & LATIHAN PENGGUNAAN SISTEM I-SYIFAA BAGI MODUL ELECTRONIC MEDICAL RECORD (EMR)

27 - 28 NOVEMBER 2024 | KUALA NERUS

Bengkel Pengenalan ICD ini telah dirasmikan oleh YM. Dr. Engku Narzini bt Raja Omar, Timbalan Pengarah (Sokongan) HoSZA. Turut hadir, Dr. Azlie bin Hassan, Pakar Perubatan Kecemasan & Ketua Unit Penjagaan Pra Hospital HoSZA.

Penceramah jemputan bagi bengkel ini ialah Prof. Madya Dr. Azimatun bt Aizudin, Ketua Pusat Antarabangsa Casemix dan Pengekodan Klinikal (ITCC), HCTM dan Puan Siti Hajarni Ishak, Penolong Pegawai Tadbir, Pusat Antarabangsa Casemix dan Pengekodan Klinikal (ITCC), HCTM.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman warga kerja hospital yang melibatkan Pakar/Pegawai Perubatan mengenai penggunaan ICD yang berkaitan dengan pengkodan kod diagnosa penyakit dan tatacara dokumentasi EMR secara menyeluruh dan berimpak tinggi melalui penggunaan sistem berteknologi canggih.

International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems (ICD) merupakan sistem klasifikasi yang telah diperkenalkan untuk tujuan rekod, analisa, interpretasi dan perbandingan data morbiditi dan mortaliti di peringkat antarabangsa.

Pada sesi petang telah diadakan latihan penggunaan sistem i-Syifaa bagi Modul Electronic Medical Record (EMR) kepada petugas kaunter pendaftaran di Klinik-klinik Pakar dan Unit Pendaftaran & Hasil (ARC) HoSZA.



PELANCARAN TRAK MAMOGRAM BERGERAK HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HoSZA): MELANGKAH KE ARAH PENGESANAN AWAL KANSER PAYUDARA

Putrajaya, 29 November 2024 – Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) dengan kerjasama Fakulti Perubatan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan inisiatif KPT Prihatin Madani, dengan bangganya mengumumkan pelancaran perkhidmatan Mamogram Bergerak. Projek inovatif ini bertujuan untuk meningkatkan kadar pengesanan awal kanser payudara dalam kalangan wanita, khususnya di kawasan luar bandar Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti Pahang, Terengganu, dan Kelantan.

Teknologi Terkini Untuk Diagnosis Tepat

Trak mammogram bergerak ini dilengkapi dengan mesin mammogram 3D tomosynthesis model Selenia Dimensions 3D, jenama Hologic dari Amerika Syarikat. Teknologi canggih ini mampu memberikan imej berkualiti tinggi dengan nilai diagnostik yang sangat penting untuk pengesanan awal kanser payudara. Bagi melengkapkan perkhidmatan, trak ini turut disediakan dengan mesin ultrasound untuk analisis tambahan yang lebih komprehensif.

Selain itu, trak ini diintegrasikan dengan Total Hospital Information System (THIS) untuk memudahkan pendaftaran pesakit dan pesanan pemeriksaan. Dengan sokongan Radiology Information System (RIS) dan Picture Archiving Communication System (PACS), imej mammogram boleh dihantar terus dari trak ke sistem PACS untuk dianalisis oleh pakar radiologi di HoSZA secara jarak jauh melalui teleradiologi.

Perkembangan Projek

Kos keseluruhan: RM2.3 juta termasuk mesin ultrasound portable bernilai RM224,000.

Pengujian dan Pentauliahan (T&C): Telah dilaksanakan pada 24 Julai 2024.

Pelesenan: Lesen dari Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan (BKR) diperolehi pada 14 Oktober 2024.

Manfaat kepada Komuniti

Trak Mamogram Bergerak ini merupakan langkah proaktif dalam menyediakan akses kepada pemeriksaan kanser payudara, terutamanya bagi golongan wanita yang berada di kawasan pedalaman dengan akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan.

Melalui program ini, HoSZA berharap dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengesanan awal kanser payudara serta memberikan peluang kepada lebih ramai wanita untuk menjalani pemeriksaan secara percuma atau pada kos yang minima.

Inisiatif ini bukan sahaja membuktikan komitmen HoSZA dan UniSZA dalam memperkasakan penjagaan kesihatan wanita, tetapi juga mencerminkan matlamat KPT Prihatin Madani untuk membina masyarakat yang lebih sihat dan sejahtera.

Untuk maklumat lanjut mengenai jadual trak mamogram bergerak dan program yang akan dijalankan, sila hubungi HoSZA di 09-665 5555 atau layari laman web rasmi kami di <https://programcempaka.com>.



HOSZA PRIHATIN - PEMBERSIHAN PASCA BANJIR

11 DISEMBER 2024 | KUALA NERUS

Dato' Pengarah HoSZA turun padang mengetuai dan memantau operasi pembersihan pasca banjir di rumah staf-staf HoSZA yang terkesan.

Beliau turut menziarah dan menyampaikan sedikit sumbangan kepada anak staf HoSZA, Areej Mirza bin Adlan Salimi yang baru menjalani prosedur Right Ventricular Outflow Tract (RVOT) Stenting di Institut Jantung Negara (IJN) dan kini dalam keadaan stabil.

Beliau turut mengucapkan penghargaan kepada semua sukarelawan yang terlibat, atas komitmen dan semangat kerjasama yang tinggi dalam usaha memulihkan komuniti yang terkesan.

Semangat berpasukan dan kekitaan yang ditonjolkan melalui aktiviti gotong-royong pasca banjir menjadi bukti kukuh bahawa perpaduan dan kerjasama mampu mengatasi segala cabaran.



PERHIMPUNAN BULANAN STAF HOSZA SIRI 11/2024 & BULAN KEBAJIKAN PESAKIT HOSZA 29 DISEMBER 2024 | AHAD

Perhimpunan Bulanan Staf HoSZA Siri 11/2024 telah berlangsung dengan jayanya.

YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin A. Latif, Pengarah HoSZA telah menyampaikan amanat beliau kepada semua staf yang hadir. Turut hadir ialah YBrs. Prof. Madya Dr. Nik Ahmad Shaiffudin bin Nik Him, Timbalan Pengarah (Klinikal), YM. Dr. Engku Narzini bt Raja Omar, Timbalan Pengarah (Sokongan), dan Encik Ahmad Termizi bin Ab. Aziz, Timbalan Pengarah (Pengurusan) bersama ketua-ketua Jabatan, pakar perubatan dan wakil Jabatan. Taklimat berkenaan Tabung Kebajikan Pesakit HoSZA telah disampaikan oleh Tengku Shaifuddin bin Tengku Jalal,

Ketua Unit Kerja Sosial Perubatan, HoSZA. Majlis juga turut dimeriahkan dengan tayangan video kenangan 2024 serta cabutan bertuah bagi penyumbang Tabung Kebajikan Pesakit HoSZA dan staf yang hadir.

Semoga semangat kerjasama berpasukan ini, sikap permurah serta keiklasan membantu pesakit akan terus kukuh dalam hati staf UniSZA.





DIET ‘DASH’ UNTUK PESAKIT DARAH TINGGI

Dietary Approaches to Stop Hypertension (DASH) adalah pelan pemakanan yang direka khusus untuk membantu individu mengawal tekanan darah tinggi. Diet ini menekankan pengambilan makanan berasaskan tumbuhan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, bijirin penuh, dan kekacang, sambil mengurangkan pengambilan daging merah, gula, garam, dan lemak tepu.

Manfaat Diet DASH

Diet DASH dapat membantu mengawal tekanan darah dengan mengurangkan pengambilan natrium (garam) serta meningkatkan pengambilan nutrien penting seperti kalium, kalsium, dan magnesium. Kajian menunjukkan bahawa individu yang mengamalkan diet ini dapat melihat penurunan tekanan darah dalam tempoh dua minggu. Selain itu, diet ini juga menekankan makanan rendah lemak dan tinggi serat, yang membantu dalam pengurusan berat badan serta mengurangkan risiko komplikasi berkaitan hipertensi.

Panduan Pemakanan untuk Pesakit Hipertensi

Untuk mendapatkan manfaat maksimum daripada diet DASH, pesakit hipertensi disarankan untuk:

- I. Mengurangkan pengambilan garam – Pilih makanan segar dan elakkan makanan diproses yang tinggi natrium. Gunakan herba dan rempah sebagai pengganti garam dalam masakan.
- II. Mengamalkan bijirin penuh – Makanan seperti oat dan barli kaya dengan serat larut, yang membantu menurunkan paras kolesterol serta tekanan darah.
- III. Meningkatkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran – Contohnya, pisang kaya dengan kalium, yang membantu mengimbangi kesan natrium dalam badan.
- IV. Memilih sumber protein yang lebih sihat – Ambil protein rendah lemak seperti ikan, ayam tanpa kulit, kekacang, dan produk tenusu rendah lemak.
- V. Mengawal pengambilan lemak tepu dan gula – Kurangkan makanan bergoreng, makanan segera, dan minuman manis yang boleh meningkatkan risiko penyakit jantung dan obesiti.

Langkah Mudah untuk Mengamalkan Diet DASH

Untuk memudahkan pelaksanaan diet ini, beberapa langkah boleh diambil:

- i. Ubah suai hidangan kegemaran kepada versi lebih sihat – Contohnya, gantikan santan dengan susu rendah lemak atau minyak zaitun sebagai alternatif kepada minyak masak biasa.
- ii. Sediakan hidangan yang seimbang – Gabungkan pelbagai jenis makanan dalam satu hidangan untuk memastikan pengambilan nutrien yang mencukupi.
- iii. Gunakan kaedah memasak yang lebih sihat – Pilih teknik memasak seperti stim, rebus, panggang, atau bakar untuk mengekalkan nutrien makanan.

Kesimpulan

Diet DASH merupakan salah satu pendekatan terbaik dalam pengurusan tekanan darah tinggi. Dengan mengamalkan pemakanan yang sihat, pesakit hipertensi bukan sahaja dapat mengawal tekanan darah, tetapi juga mengurangkan risiko komplikasi kesihatan seperti penyakit jantung dan strok. Langkah kecil dalam pemilihan makanan harian boleh memberi kesan besar terhadap kesihatan jangka panjang.



KEPENTINGAN PENGAMBILAN AIR MINERAL TERHADAP TUBUH BADAN

Air adalah salah satu komponen paling penting dalam kehidupan manusia. Sekitar 60-70% daripada tubuh manusia terdiri daripada air, dan setiap sel dalam badan memerlukan air untuk berfungsi dengan baik. Oleh itu, pengambilan air mineral yang mencukupi setiap hari amat penting untuk menjaga kesihatan tubuh secara keseluruhan.

Manfaat Air Mineral terhadap Tubuh Badan

Pengambilan air mineral yang mencukupi memberikan pelbagai manfaat kepada tubuh, antaranya:

1. Mengatur Suhu Badan

Tubuh manusia memiliki mekanisme semula jadi untuk mengawal suhu badan melalui proses berpeluh. Ketika tubuh kehilangan cecair akibat berpeluh, air mineral membantu menggantikan cecair yang hilang, sekali gus memastikan suhu badan kekal stabil.

2. Melancarkan Sistem Pencernaan

Air mineral membantu melunakkan makanan yang masuk ke dalam sistem pencernaan, memudahkan proses penyerapan nutrien dan mengelakkan masalah seperti sembelit serta gangguan pencernaan lain.

3. Menyokong Fungsi Ginjal dan Detoksifikasi

Ginjal memainkan peranan penting dalam menyingkirkan toksin daripada tubuh melalui air kencing. Dengan pengambilan air yang mencukupi, proses detoksifikasi dalam badan menjadi lebih efisien.

4. Menjaga Keseimbangan Elektrolit

Air mineral mengandungi elektrolit penting seperti natrium, kalium, dan magnesium, yang membantu mengekalkan keseimbangan cecair badan, fungsi otot, serta transmisi impuls saraf.

5. Meningkatkan Fungsi Otak

Sebahagian besar otak manusia terdiri daripada air. Kekurangan air boleh menyebabkan dehidrasi, yang boleh menjelaskan konsentrasi, daya ingatan, serta kestabilan emosi. Pengambilan air mineral yang mencukupi membantu otak berfungsi secara optimum.

